

From: Pusat Islam
Sent: Khamis, 11 Jun 2020 3:29 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; UUM - PALAPES
Subject: PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DI MASJID-MASJID NEGERI KEDAH DARUL AMAN
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)



19 Syawal 1441H bersamaan 11 Jun 2020

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE
EMINENT
MANAGEMENT
UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum wr. wbt. dan Salam Sejahtera.

PERKARA : PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DI MASJID-MASJID NEGERI KEDAH DARUL AMAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

Pusat Islam UUM dengan segala hormatnya merujuk kepada surat **ARAHAN PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DI MASJID-MASJID NEGERI KEDAH DARUL AMAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)** yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman pada 11 Jun 2020 :

"Dukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan solat Jumaat di Masjid-masjid Negeri Kedah Darul Aman pada masa kini dikekalkan seperti Tempoh Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan menghadkan jumlah solat Jumaat adalah 12 orang yang terdiri daripada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah".

1. Solat Jumaat di Masjid Sultan Badlishah UUM dan Masjid Imam As-Syafi'i Bukit Kachi pada 12 Jun 2020 sehingga makluman terkini diperolehi dan digantikan dengan Solat Zohor di rumah bagi mengelak perhimpunan berskala besar yang boleh menyebabkan mudahnya penularan wabak antara sesama jamaah.
2. Solat fardhu berjemaah masih **TIDAK DIBENARKAN** kepada staf dan pelajar ketika ini.

3. Untuk mengekalkan syiar fardhu kifayah, **Imam, Bilal dan staf Pusat Islam sahaja** dibenarkan untuk meneruskan azan dan solat fardhu berjamaah seperti biasa di masjid tanpa mengabaikan aspek kebersihan dan keselamatan diri dengan menyediakan kemudahan hand sanitizer dan sebagainya.
4. Jamaah yang lain hendaklah melaksanakan solat fardhu berjamaah di rumah masing-masing di samping memperbanyakkan selawat ke atas Nabi SAW, bersungguh-sungguh bertaubat, beristighfar memohon keampunan Allah SWT serta memperbanyakkan doa dan zikir, semoga Allah merahmati seterusnya mengangkat wabak dan bala yang sedang menimpa kita ketika ini.

Pertanyaan dan maklumat lanjut hubungi:

**BAHAGIAN MODAL INSAN
UNIT PENGURUSAN MASJID,
PUSAT ISLAM UUM,
KOMPLEKS PUSAT ISLAM,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 UUM SINTOK, KEDAH**

Tel: 04-9282553/2565/2566

Fax : 04-9282561

Website : <http://www.pusatislam.uum.edu.my/>

Email : p.islam@uum.edu.my

Facebook : Pusat Islam UUM



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.